

## APMM Labuan tingkat rondaan laut semasa perayaan

LABUAN: Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Labuan akan mempertingkatkan tahap rondaan di perairan pulau itu semasa musim perayaan bagi mencegah aktiviti berkaitan jenayah maritim.

Pengarah APMM Zon Labuan Komander Nor Bakari Abu Bakar berkata fokus utama operasi ialah memeriksa kemungkinan pencerobohan pendatang tanpa izin, aktiviti penyeludupan dan penangkapan ikan secara haram.

"Memandangkan semua kakitangan kami bertugas, penguatkuasaan dan rondaan akan dipertingkatkan bagi mengekang aktiviti jenayah serta kesalahan maritim di laut.

"Kami menyedari bahawa semasa musim perayaan, aktiviti penyeludupan akan meningkat;

penyeludup fikir kebanyakan kakitangan kami akan bercuti, tetapi mereka silap kerana kami akan meningkatkan operasi dengan lebih ramai kakitangan dan aset kami akan digerakkan bagi tujuan operasi itu," katanya kepada *Bernama* pada Khamis.

Beliau menyeru semua yang melakukan perjalanan laut untuk mengunjungi keluarga dan rakan semasa musim perayaan di pulau-pulau agar memastikan mereka memakai ves keselamatan dan mempunyai peralatan keselamatan yang sewajarnya ketika menaiki bot.

Orang ramai boleh melaporkan sebarang aktiviti yang mencurigakan kepada APMM Labuan di talian 087-427999. - *Bernama*